



Semua Pejabat Daerah dan Tanah,
Semua Pihak Berkuasa Tempatan,
Lembaga Perumahan dan Hartanah Negeri Selangor,
Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor,
Unit Selangor Implementation and Monitoring (SIAP).

SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN BILANGAN 2 TAHUN 2022

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PROJEK SELANGOR PENYAYANG

1. TUJUAN

Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) ini adalah bertujuan untuk memaklumkan mengenai Garis Panduan Pelaksanaan Projek Selangor Penyayang yang dibiayai menerusi peruntukan khas Kerajaan Negeri.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke-7/2022 yang bersidang pada 9 Mac 2022 dan disahkan dalam MMKN Ke-8/2022 pada 30 Mac 2022 telah

menimbang dan meluluskan penjenamaan semula program Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) kepada Itizam Selangor Penyayang (ISP). Susulan Jelajah ISP Fasa Satu yang telah dilaksanakan di lima (5) buah daerah, YAB Dato' Menteri Besar berhasrat untuk meneruskan agenda promosi jenama ISP ini dengan melaksanakan Projek Selangor Penyayang (PSP).

2.2 PSP ialah satu-satunya inisiatif berteraskan pembangunan fizikal yang dicadangkan selain 44 inisiatif sedia ada yang terkandung dalam ISP. Pelaksanaan PSP ini telah dipertimbang dan diluluskan dalam MMKN Ke-22/2022 yang diadakan pada 14 September 2022 yang disahkan dalam MMKN Ke-23/2022 pada 21 September 2022.

2.3 Cadangan pelaksanaan PSP ini adalah usaha Kerajaan Negeri untuk memberi perhatian terhadap penyelenggaraan infrastruktur asas dan infrastruktur awam.

3. GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PROJEK SELANGOR PENYAYANG

3.1 PSP ini akan dilaksanakan di 56 kawasan Dewan Negeri Selangor dan **permohonan projek** mengikut Dewan Negeri akan diselaraskan oleh Pejabat Daerah Dan Tanah (PDT) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) menerusi peruntukan khas berikut:

BIL	PERKARA	SUMBER KEWANGAN
1.	Kerja-kerja mengecat pangsapuri kos rendah atau sederhana rendah atau mampu milik atau Rumah Selangorku	Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS)
2.	Kerja-kerja penyelenggaraan/pembaikan jalan/ parit/ longkang/ tali air/ ban dan lain-lain pembaikan kecil	Perbendaharaan Negeri Selangor (PNS): Tabung Amanah MARRIS Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor (JPS): Tabung Amanah Caruman Parit Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN): Penjimatan Vot P01 – Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor
3.	Kerja-kerja Pemeliharaan Dan Pemuliharaan Alam Sekitar (Kerja-kerja pemasangan lampu solar)	Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN): Akaun Amanah Kutipan Caj Beg Plastik Negeri Selangor Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor: Akaun Amanah Kutipan Caj Beg Plastik Negeri Selangor

3.2 Unit Selangor Implementation and Performance Monitoring (SIAP) ialah Sekretariat Utama PSP dan kriteria projek serta kaedah pelaksanaan PSP ini adalah diperincikan menerusi Garis Panduan Pelaksanaan Projek Selangor Penyayang seperti di **Lampiran 1**. Semua agensi pelaksana PSP adalah dikehendaki mematuhi sepenuhnya garis panduan yang ditetapkan menerusi SPP ini. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan tindakan sewajarnya akan diambil dan

pegawai yang bertanggungjawab boleh dikenakan tindakan surcaj.

- 3.3 Adalah diingatkan bahawa setiap agensi pelaksana PSP adalah bertanggungjawab untuk menyimpan dan menyelenggara rekod pelaksanaan projek dengan baik serta membuat perancangan awal pelaksanaan projek bagi memastikan projek disiapkan dan bayaran dapat diselesaikan dalam tahun kewangan semasa.


4. KUAT KUASA

Surat Pekeliling ini berkuat kuasa pada tarikh ia ditandatangani.

Sekian, terima kasih.

**“ SELANGOR MAJU BERSAMA ”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



(DR. AHMAD FADZLI BIN AHMAD TAJUDDIN) S.M.S, P.C.M, A.M.P.
Pegawai Kewangan Negeri
Selangor Darul Ehsan

Tarikh: 22 September 2022

Salinan kepada:

- i. YAB Dato' Menteri Besar Selangor
- ii. YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
- iii. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Pembangunan)

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PROJEK SELANGOR PENYAYANG (PSP) BAGI TAHUN 2022

1. TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling ini (SPP) bertujuan memaklumkan mengenai garis panduan pelaksanaan Projek Selangor Penyayang yang akan diselaraskan di bawah Selangor Implementation and Performance Monitoring Unit (SIAP), SUK.

2. KRITERIA DAN SKOP PROJEK

- 2.1 Kriteria projek adalah seperti berikut:

- i. Projek kecil yang **boleh dilaksanakan dengan kadar segera** dan tidak melibatkan risiko lain yang perlu ditanggung seperti pengambilan tanah, pengalihan utiliti dan sebagainya;
- ii. Projek dari kategori **kemudahan dan infrastruktur asas/awam** dan bernilai sehingga **RM100,000.00**;
- iii. Projek **mengecat pangsapuri** kos rendah atau sederhana rendah atau mampu milik atau Rumah Selangorku; dan
- iv. Projek yang memberi **impak secara langsung kepada masyarakat** setempat.

- 2.2 Skop projek yang akan dipertimbangkan adalah seperti berikut:

- i. Membaik pulih dan menyelenggara surau, masjid dan rumah ibadat serta kemudahan berkaitan termasuk dataran kejut;
- ii. Membaik pulih dan menyelenggara parit, longkang, tali air dan ban;
- iii. Membaik pulih dan menyelenggara pondok perhentian bas, stesen bas dan teksi;
- iv. Membaik pulih dan menyelenggara pusat komuniti, dewan serbaguna, dewan orang ramai dan balai raya;
- v. Membaik pulih dan menyelenggara pasar awam dan gerai penjaja;
- vi. Membaik pulih dan menyelenggara jambatan kecil/titi, jejantas, laluan lintasan pejalan kaki dan motorsikal;

- vii. Membaik pulih dan menyelenggara fasiliti sukan, kemudahan rekreasi dan riadah dan taman permainan kanak-kanak;
- viii. Membaik pulih dan menyelenggara institusi pendidikan agama negeri;
- ix. Membaik pulih dan menyelenggara tandas awam;
- x. Kerja-kerja pemasangan lampu solar di kawasan awam; dan
- xi. Mengecat rumah pangsapuri kos rendah atau sederhana rendah atau mampu milik atau Rumah Selangorku yang berusia 15 tahun terhad kepada satu (1) blok/ sepuluh (10) tingkat atau dua (2) blok lima (5) tingkat bagi setiap Dewan Negeri. Harga jualan kurang daripada RM150,000 di bawah Program Perumahan Hartanah Kawalan di kawal selia oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS).

3. KAEDAH PELAKSANAAN DAN HAD KUASA PEROLEHAN

- 3.1 **Agensi Pelaksana** bagi PSP tertakluk kepada bidang kuasa dan skop projek yang diluluskan seperti berikut:
- i. Pejabat Daerah dan Tanah (PDT);
 - ii. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT);
 - iii. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS); dan
 - iv. Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS)
- 3.2 Agensi Pelaksana hendaklah mengeluarkan **Inden Kerja selewat-lewatnya pada 30 Oktober 2022 kecuali kerja-kerja mengecat** di bawah LPHS **selewat-lewatnya pada 30 November 2022**.
- 3.3 Semua projek hendaklah disiapkan dengan segera bagi membolehkan pembayaran dibuat pada tahun semasa.
- 3.4 Bagi mempercepatkan proses perolehan dan meningkatkan aktiviti ekonomi, had nilai perolehan kerja bagi pelaksanaan PSP seperti **Jadual 1** berikut:

Jadual 1

BIL	KAEDAH PEROLEHAN	HAD NILAI	SYARAT PEROLEHAN
(i)	Lantikan terus	sehingga RM50,000.00	• kontraktor tempatan • Kontraktor berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Gred G1.

BIL	KAEDAH PEROLEHAN	HAD NILAI	SYARAT PEROLEHAN
			- Kontraktor yang dipelawa hendaklah berdaftar dalam kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta memenuhi syarat pendaftaran seperti berikut: i) berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) serta Sijil Taraf Bumiputera (STB).
(ii)	Kerja requisition secara undian	sehingga RM100,000.00	- menggunakan Jadual Kadar Kerja semasa. - kontraktor tempatan. - Kontraktor berdaftar dengan CIDB Gred G1. - Kontraktor yang dipelawa hendaklah berdaftar dalam kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta memenuhi syarat pendaftaran seperti berikut: i) berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) serta Sijil Taraf Bumiputera (STB).
	Sebut Harga (bagi Perolehan kerja-kerja kecil atau	melebihi RM50,000	- kontraktor tempatan - Kontraktor berdaftar dengan Lembaga

BIL	KAEDAH PEROLEHAN	HAD NILAI	SYARAT PEROLEHAN
	pembaikan yang tidak mengubah struktur asal dan yang tidak mempunyai Jadual Kadar Kejuruteraan Awam)		Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Gred G1. • Kontraktor yang dipelawa hendaklah berdaftar dalam kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta memenuhi syarat pendaftaran seperti berikut: ii) berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) serta Sijil Taraf Bumiputera (STB).

- 3.5 Bagi kerja *requisition* menggunakan Jadual Kadar Kerja sehingga RM100,000 yang dilaksanakan secara undian, Agensi Pelaksana hendaklah mensyaratkan bahawa hanya penama di dalam PPK, SPKK atau STB sahaja boleh memohon atau berdaftar dan menghadiri proses undian dan tidak mewakilkan pegawai selain daripada penama yang dinamakan dalam sijil.
- 3.6 **Memecahkecilkan nilai perolehan** bagi mengelakkan pelawaan sebut harga adalah **tidak dibenarkan**.
- 3.7 Kerja-kerja hanya boleh dimulakan setelah Inden Kerja dikeluarkan. Inden Kerja hendaklah dikeluarkan kepada kontraktor yang Berjaya secepat mungkin sebaik sahaja keputusan Pihak Berkuasa Melulus (PBM) diperolehi.

4. JAWATANKUASA PELAKSANA PROJEK SELANGOR PENYAYANG

4.1 Bagi melaksanakan projek ini, jawatankuasa yang ditubuhkan seperti berikut:

i. **Jawatankuasa Induk Pemilihan Projek (JIPP)**

JIPP bertanggungjawab untuk memilih projek yang akan dilaksanakan berdasarkan senarai projek yang dikemukakan oleh agensi kepada urus setia. Keahlian JIPP adalah seperti berikut:

Pengerusi	:	YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Pengerusi Ganti	:	YB Pegawai Kewangan Negeri Selangor
Ahli-ahli	:	a. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Pembangunan) b. Timbalan Pegawai Kewangan Negeri c. Bendahari Negeri d. Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset, Perbendaharaan Negeri Selangor e. Urus setia Akaun Amanah Caruman Parit, Jabatan Pengairan dan Saliran Selangor (JPS) f. Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor g. Seksyen Agihan dan Pembangunan, UPEN h. Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan, UPEN
Sekretariat	:	Unit SIAP,SUK

4.2 Perbincangan dan keputusan JIPP hendaklah dicatatkan dalam minit dan ditandatangani oleh pengerusi JIPP berserta asas-asas pemilihan yang dicatat dengan jelas.

5. PEMBAYARAN

5.1 Senarai kerja-kerja dan Pejabat Pembayar adalah seperti berikut:

BIL	PERKARA	AGENSI PEMBAYAR
1.	Kerja-kerja mengecat	Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS)
2.	Penyenggaraan Jalan Negeri (MARRIS)	Pejabat Daerah dan Tanah (PDT)/ Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)
3.	Caruman Parit bagi Kerja-Kerja Penyelenggaraan/ Pembaikan Parit/ Longkang/ Tali Air dan Ban	Jabatan Pengairan Selangor (JPS)
4.	Kerja-kerja Pemeliharaan Dan Pemuliharaan Alam Sekitar – Pemasangan Lampu Solar	Pejabat Daerah dan Tanah (PDT)
5.	Lain-lain Pembaikan Kecil	Pejabat Daerah dan Tanah (PDT)/ Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)


5.2 Carta alir tatacara perolehan bagi Projek Selangor Penyayang adalah seperti di **Lampiran A**.

5.3 Agensi Pelaksana hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Kerja sebaik sahaja kerja disiapkan dengan sempurna dan memuaskan bagi membolehkan urusan pembayaran selanjutnya.

6. PEMANTAUAN DAN PELAPORAN

6.1 Jabatan / Agensi pelaksana PSP perlu mengemukakan laporan status pelaksanaan projek kepada Unit SIAP pada setiap **15 hari bulan setiap bulan** mengikut format seperti di **Lampiran B** melalui e-mel siap@selangor.gov.my.

CARTA ALIR TATACARA PEROLEHAN BAGI PROJEK SELANGOR PENYAYANG



Nota:

- Peruntukan akan **disalurkan kepada Jabatan/Agensi Pelaksana** bagi projek yang melibatkan, Penyelenggaraan Jalan Negeri dan Lain-lain Pembaikan Kecil serta Kerja-kerja Pemeliharaan dan Pemuliharaan Alam Sekitar (kerja-kerja pemasangan lampu solar),
- Bagi projek yang melibatkan kerja-kerja mengecat, Kerja-Kerja Penyelenggaraan Parit/ Longkang/ Tali Air/ ban, **pembayaran akan dibuat oleh Agensi pembayar terus kepada kontraktor.**
- Laporan pelaksanaan Projek Selangor Penyayang perlu dikemukakan kepada Unit SIAP setiap **15 hari bulan setiap bulan.**